



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Pelaksanaan amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah menerusi kaedah penyoalan berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (*Implementation of the practice of teaching Islamic education schools through questioning methods based on higher order thinking skills (HOTS)*)

Open
Access

Mohd Syaubari Othman ^{1,*}, Ahmad Yunus Kassim ¹

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Article history:

Received 30 January 2017

Received in revised form 8 March 2017

Accepted 9 March 2017

Available online 4 April 2017

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran di kalangan guru pendidikan islam menerusi kaedah penyoalan berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (kbat). kajian secara kualitatif di negeri perak yang melibatkan temubual dan pemerhatian bersama dua guru pendidikan islam. kaedah penyoalan yang digunakan bersandarkan tiga tahap pengajaran iaitu permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran menerusi aras soalan yang dikemukakan sama ada aras rendah, sederhana dan tinggi. hasil temubual itu ditadbir urus dengan program n'vivo versi 7 untuk menghasilkan tema dan jadual matrik berkaitan amalan pengajaran berdasarkan kaedah penyoalan. dapatkan kajian menunjukkan terdapat pelbagai aras dalam soalan lisan yang diberikan oleh kedua-dua guru pendidikan islam tersebut. walau bagaimanapun terdapat perbezaan di dalam corak penggunaan aras soalan mengikut fasa permulaan, perkembangan dan penutup proses pengajaran. kedua-dua guru menyedari kepentingan menggunakan soalan lisan pada aras rendah untuk mendapatkan maklumat berkaitan kefahaman pelajar terhadap isi dan konsep pelajaran yang telah diajar. soalan lisan aras sederhana dan tinggi pula digunakan untuk mendapat maklumat sama ada pelajar telah atau belum menguasai kemahiran pendidikan islam. oleh sebab itu, soalan lisan aras sederhana dan tinggi dikemukakan selepas kedua-dua guru mengajar isi dan konsep pelajaran kepada pelajar mereka.

This study aims to identify teaching practices among Islamic Education teachers through questioning methods based on Higher Order Thinking Skills (HOTS). A qualitative study in Perak involving interviews and observations with two teachers of Islamic education. Questioning methods used against three levels of teaching that is the beginning, the development and the closing level of teaching through questions whether the levels of low, medium and high. The results of the interview are governed by N'vivo program version 7 to produce a matrix table related themes and teaching practices based on questioning methods through the study of two teachers of Islamic education. The findings show that there are various levels in an oral question put by both the teacher of Islamic education. However, there is a difference in the pattern of

* Corresponding author.

E-mail address: syaubari@gmail.com (Mohd Syaubari Bin Othman)

consumption level questions according to the initial phase, up to date and cover the teaching process. Both teachers recognize the importance of using an oral question at a low level to obtain information on the students' understanding of the content and concepts that have been taught a lesson. Question oral medium and high level is used to get information whether the student has mastered the skills of Islamic education. Therefore, an oral question submitted medium and high level after the two teachers teach the lesson content and concepts to their students.

Keywords:

KBAT, Kaedah penyoalan, Amalan pengajaran

HOTS, Questioning methods, Practice teaching

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Penyoalan merupakan sebahagian kemahiran pedagogi yang perlu ada pada setiap guru. Teknik penyoalan yang berkesan mendorong dan merangsang pemikiran pelajar. Guru mempunyai kemahiran menyoal bukan sahaja berupaya mendorong dan merangsang pemikiran pelajar malah mampu meningkatkan keyakinan diri dan pelajarnya daripada bersifat pasif atau pendiam. Pengamalan pengajaran guru memerlukan kepelbagaiannya pendekatan di dalam memastikan kefahaman yang diperolehi oleh pelajar dapat di adaptasi, dihayati dan diaksanakan menerusi konteks lingkungan seorang pelajar [3,8].

Kefahaman yang menyeluruh ini, mampu dilaksanakan menerusi salah satu pendekatan yang di bahaskan sebagai kaedah pengajaran berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kaedah penyoalan merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mampu merangsang daya pemikiran seseorang pelajar menerusi berbagai bentuk pendekatan seperti penyoalan secara terus, penyoalan secara kumpulan, penyoalan proses dan penyoalan penilaian [5,10]. Keseluruhan kajian melihat dari konteks amalan pengajaran guru yang dibahagikan kepada tiga komponen iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup dengan setiap komponen di perincian bagaimana elemen penyoalan dapat dilaksanakan dan di akhir kajian, penelitian bagaimana pendekatan penyoalan di dalam amalan pengajaran guru dapat disesuaikan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

2. Amalan pengajaran guru bersandarkan konsep penyoalan

Pembentukan amalan pengajaran ini dirumuskan berdasarkan terotikal yang dibentuk daripada pandangan al-Qabisi dan Robert Glaser dengan merangkumi kajian-kajian terdahulu dan pandangan sarjana yang dikemukakan di dalam memastikan keberkesanannya pengajaran, maka menerusi kajian ini pembahagian kepada tiga kompenan utama iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran telah ditetapkan bersandarkan kajian-kajian yang terdahulu [2,12].

2.1. Permulaan pengajaran

Permulaan pengajaran adalah peringkat berdasarkan teori yang dibangunkan oleh Al-Qabisi dan Robert Glaser merangkumi elemen perancangan pengajaran, objektif pengajaran dan set induksi

Menurut [9] mencadangkan agar guru memilih pendekatan menyoal yang berkemampuan memberi penghayatan yang mendalam, bukan sahaja kepada kefahaman pelajar, malah memberi

kesan kepada jiwa pelajar. Kaedah ini mampu membantu pelajar memberi tumpuan, mengingat, mengekalkan ingatan dan mengaplikasikan dalam amalan sehari-hari. Menurut (Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010) strategi perancangan pengajaran adalah penting untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar-pelajar terhadap pembelajaran melalui teknik soal jawab serta membimbing mereka supaya bersedia untuk meneruskannya secara kendiri.

Menerusi pandangan [2] menunjukkan ketegasan dengan meletakkan suatu kecuaian kepada guru yang tidak meletakkan objektif yang rapi dalam tugas pengajaran. Untuk amalan pengajaran yang berkesan, guru pendidikan Islam seharusnya memilih objektif yang bersesuaian kerana tiada satu objektif yang bertepatan bagi seseorang pelajar di sebabkan beberapa faktor disebabkan wujudkan kepelbagaian tahap kognitif pelajar namun guru seharusnya menetapkan berdasarkan objektif yang berkeupayaan dicapai sekurang-kurangnya 80% pelajar di dalam PdP yang dilaksanakan [19].

Objektif yang menetapkan salah satu kaedah pengajaran bersandarkan kaedah penyoalan perlu dihasilkan dengan kemampuan pelajar untuk memahami, menyusun, menstruktur, mengaplikasi dan mensintesis idea seperti bagaimana hendak keimanan kepada Allah, Rasul, perkara-perkara *sami'yat* dan hari akhirat tersebut dalam kehidupan sehari-hari [1].

Set induksi ialah satu kaedah memulakan pengajaran di mana kemahiran memulakan pengajaran amat penting kerana pada peringkat ini guru menyampaikan ideanya kepada pelajar dan menanamkan ke dalam fikiran pelajar bahan-bahan pengajaran yang hendak disampaikannya [18]. Pendekatan ini boleh dilaksanakan menerusi pendekatan penyoalan dengan guru perlu menimbulkan minat dan menggerakkan para pelajar mempunyai kesediaaan untuk belajar dan memikirkan pengetahuan serta kemahiran yang dipersembahkan oleh guru dalam memastikan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat dijalankan.

2.2. Perkembangan pengajaran

Proses perkembangan pengajaran bersandarkan daripada teori daripada [12] dan [2] yang membahagikan perkembangan pengajaran kepada tiga elemen iaitu penyampaian isi pengajaran, pengayaan dan penggunaan bahan bantu mengajar. Proses perkembangan pengajaran ini diselaraskan dengan teknik penyoalan pada setiap elemen yang merupakan satu pendekatan di dalam merangsang amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

Proses perkembangan pengajaran merupakan komponen terpenting di dalam pengajaran yang menentukan hala tuju sama ada iaanya kearah keberkesanannya atau kegagalan pengetahuan dan kefahaman untuk disampaikan [3,7] mengemukakan tiga kaedah pengajaran penyoalan dalam mata pelajaran pendidikan Islam yang berkesan dan boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran guru iaitu berdasarkan empat kaedah iaitu (i) penyoalan semasa pengajaran, guru perlu memberikan soalan dengan jelas dan bersesuaian dengan tahap umur pelajar (ii) guru memberi contoh bagaimana jawapan kepada persoalan yang dapat membentuk kefahaman berkaitan tajuk yang diajar (iii) guru membina soalan yang dapat mengaitkan jawapan yang akan diberikan menerusi amalan kehidupan pelajar tersebut. Selain itu, guru boleh memperkembangkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan soalan atau aktiviti berikut:

Mengapakah orang tua itu tidak melintas jalan?

Apakah akan terjadi sekiranya Ali tidak membantu orang tua itu?

Apakah pendapat anda tentang tindakan Ali dan Ahmad?

Bandingkan watak Ali dengan watak Ahmad?

Bagaimanakah orang tua itu boleh melintas jalan sekiranya tiada Ali?

2.3. Penutup pengajaran

Menurut [7] menyatakan penutup pengajaran perlu menerusi asas kemahiran berfikir bagi membolehkan manusia melihat pelbagai perspektif untuk menyelesaikan masalah di dalam sesuatu situasi tertentu. Manakala [11], mentakrifkan KBAT sebagai penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru. KBAT memerlukan seseorang memahami, menterjemah, menganalisis, mentafsir dan memanipulasikan maklumat. Menurut pandangan Imam Ghazali, berfikir ialah fungsi akal yang memerhatikan tenaga supaya otak manusia dapat bekerja dan beroperasi.

Pada peringkat penutup pengajaran, pendekatan penyoalan dapat membantu pelajar berfikir secara kritis dengan memberi fokus secara eksplisit terhadap proses pemikiran. Semasa soalan yang teratur dan berstruktur, pelajar akan memperlakukan proses pemikiran mereka dan meneliti proses tersebut berasaskan keseluruhan kandungan pengajaran yang telah disampaikan [12,20]. Penyoalan yang berfikrah dan teratur di dalam kelas berupaya mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran (PdP). Secara keseluruhannya, kaedah penutup pengajaran yang bersandarkan amalan inkuiri dan penyoalan mampu mendorong penghasilan pembelajaran secara aktif dan berpusatkan pelajar. Oleh itu penutup pengajaran yang berkesan akan membantu pelajar membina pengetahuan, membentuk kemahiran menyelesaikan masalah dan meningkatkan ingatan pengetahuan di dalam jangka masa panjang.

3. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dilaksanakan secara kaedah kajian kes. Kaedah ini dipilih berdasarkan kepada kefahaman bahawa dapatan kajian yang diperolehi akan lebih jelas dan tepat bersandarkan proses pengaplikasian teknik penyoalan di dalam kelas [13]. Untuk memperolehi maklumat secara terus dari peserta kajian, penentuan kajian lapangan menggunakan teknik analisis pemerhatian dan temubual dilaksanakan. Teknik pemerhatian yang digunakan adalah untuk mendapat diskripsi berkaitan dengan tempat kajian, aktiviti dan ahli di tempat kajian serta makna kepada perkara yang diperhatikan dari perspektif peserta kajian [14,15]. Pengkaji tidak akan melibatkan secara sepenuhnya di dalam semua aktiviti di dalam kelas supaya mendapat gambaran yang sebenar. Hal ini juga penting agar guru peserta kajian tidak terganggu dari segi profesionalisme dan amalan pengajaran sebagai seorang guru [16].

Data yang diperoleh semasa pemerhatian diperkuahkan melalui temu bual. Daripada temu bual, segala maklumat yang kurang jelas dan sukar didapati akan diperolehi. Ini kerana soalan yang dikemukakan semasa temu bual ialah soalan susulan untuk mencungkil penjelasan lanjut daripada peserta kajian tentang perlakuan yang ditunjukkan. Selain itu melalui temu bual pengkaji akan mendapat gambaran yang lebih mendalam tentang apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan peserta kajian. Ini jelas kerana menurut [13,15], temu bual kualitatif membenarkan pengkaji untuk mencungkil maklumat secara mendalam dari peserta kajian dan untuk memperolehi kefahaman mengenai sesuatu perkara dari sudut perspektif peserta kajian.

Dua orang peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang ketat. Kriteria yang ditetapkan ialah pengalaman mengajar subjek pendidikan Islam melebihi sepuluh tahun dan mengajar sepenuhnya mata pelajaran pendidikan Islam. Pemilihan peserta kajian juga dibuat berdasarkan kepada kemudahan yang diberi untuk memasuki lokasi kajian iaitu sekolah tempat mengajar serta mudah untuk dijalankan proses kerja kajian lapangan. Data dianalisis melalui dua peringkat iaitu semasa kajian lapangan dan analisis kandungan selepas selesai kajian lapangan.

Triangulasi antara setiap unit digunakan di dalam penyimpulan data dan aspek kesahan serta kebolehpercayaan data dibuat melalui triangulasi antara unit iaitu dengan data daripada sembilan kali pemerhatian dan temu bual, pengesahan peserta kajian, nota lapangan dan memo serta etika kerja. Dapatan kajian bersifat komprehensif, holistik dan diskriptif [6,17] tetapi tidak boleh digeneralisasikan kepada konteks, peserta dan tempat kajian yang lain.

4. Dapatan kajian

Dapatan kajian yang dibentangkan ialah data yang diperolehi daripada kajian kes dua orang guru peserta kajian dan dibentangkan mengikut setiap peserta kajian iaitu Guru A (peserta kajian 1) dan Guru B (peserta kajian 2). Perbincangan dapatan kajian tidak membandingkan antara Guru A dan Guru B tetapi mengabungkan kedua-dua analisis data untuk memperkayakan kefahaman atas tujuan memahami fenomena kajian dengan lebih mendalam. Latar belakang guru peserta kajian dibincangkan terlebih dahulu sebelum membuat pembentangan analisis data dan perbincangan berkaitan aras penyoalan di dalam pengajaran.

5. Latar belakang guru

Guru A berkelulusan Sarjana Muda Syariah, mendapat pendidikan iktisas Diploma pendidikan dari Institut Pendidikan Guru Pulau Pinang dan mempunyai pengalaman mengajar pendidikan Islam selama tiga belas tahun. Guru A pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Panitia Pendidikan Islam selama tiga tahun disekolah tempat beliau bertugas Guru B merupakan salah seorang Guru Cemerlang dan pernah menyandang jawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah tempat beliau bertugas. Guru B berkelulusan Sarjana Kurikulum dan Pengajaran, mendapat pendidikan iktisas dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan mempunyai pengalaman mengajar subjek Pendidikan Islam selama dua belas tahun. Subjek Pendidikan Islam merupakan opsyen semasa mengikuti Diploma Pendidikan bagi kedua-dua guru ini.

Pada peringkat permulaan pengajaran, kedua-dua guru menyoal soalan aras rendah pada tahap pengetahuan dan kefahaman sahaja. Guru A hanya mengemukakan beberapa soalan berkaitan pembelajaran lepas dengan tujuan meminta pelajar mengaitkan apa yang telah dipelajari dengan tajuk pengajaran semasa yang akan dipelajari mereka. Guru B agak aktif menyoal pelajar pada peringkat permulaan proses pengajaran dan adakalanya memanggil nama pelajar untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Beliau gemar menyelitkan soalan di awal pengajaran dan pembelajaran sebagai Induksi Set untuk menyampaikan tajuk pengajaran. Siri soalan tahap pengetahuan dan kefahaman yang beliau dikemukakan hanya memerlukan fakta ringkas berkaitan konsep dan isi pelajaran lepas. Semasa pemerhatian, ada ketikanya Guru B menyoal sehingga sembilan soalan di peringkat permulaan pengajaran. Soalan dikemukakan secara berhemah sehingga pelajar menyebut tajuk pelajaran yang akan mereka pelajari. Sebagai contoh, semasa peringkat permulaan pengajaran tajuk arah mata angin, guru B menggunakan rajah arah mata angin yang beliau lukis di papan hitam dan menyoal,
"apa matlamat kamu belajar di tahun lima ini?", "ini apa kaitan kewujudan Alam dengan beriman kepada Allah?", "cuba kamu lihat di luar kelas?", "apa yang kamu nampak?", "ini apa?", "selain pokok-pokok yang nampak ni, apa lagi yang kamu nampak berkaitan ciptaan Allah? jadi kamu rasa2 apa tajuk yang ustaz nak ajar pada hari ni?

Semasa tahap perkembangan pengajaran, kedua-dua guru aktif mengemukakan soalan lisan aras rendah, sederhana dan tinggi. Guru A menjelaskan

“mula-mula saya bagi soalan pengetahuan. Lepas tu kefahaman. Bila dah faham pindah buat aplikasi. Saya gubal soalan dari tahap mudah ketahap susah”.

Guru B juga mengaku

“...tengok, kalau misalnya pengenalan bagi aras pengetahuan dulu. Kalau pertengahan aras tinggi, ikut tajuk. Kalau kemahiran dalam pendidikan Islam selalu bagi aras kefahaman dan aplikasi la. Kalau bagi tafsir peta minda, gambar dan gambarajah memang boleh capai aras sintesis, analisis dan penilaian”.

Adakalanya siri soalan dikemukakan bertalu-talu sehingga membentuk dialog antara guru dan pelajar. Hal ini terjadi apabila kedua-dua guru mengemukakan soalan secara kerap di pertengahan proses pengajaran dan pembelajaran. Adakalanya, soalan dikemukakan bertubi-tubi terutama apabila pelajar memberi respon dengan tepat. Malahan penyoalan lisan di dalam fasa pertengahan dijadikan medium untuk menyampaikan isi dan konsep pelajaran. Kedua dua guru menggunakan soalan aras rendah untuk menyokong aktiviti pengajaran di dalam menyampaikan isi dan konsep pelajaran. Umpamanya Guru B, semasa mengajar tajuk Beriman kepada Allah, beliau menggunakan aras soalan rendah

“Apakah maksud beriman kepada Allah? Apakah dalil kewujudan Allah”. Guru B pula semasa mengajar tajuk beriman kepada Allah menggunakan aras pertengahan untuk memperkenalkan konsep keimanan kepada Allah *“Setiap hari kita dikehendaki solat, jadi kenapa kita perlu solat? berapa ramai daripada kamu semua yang dapat bersolat cukup 5 waktu pada semalam?”*

Soalan aras rendah menjadi pendahulu soalan-soalan lain untuk mendapatkan maklumat status pembelajaran semasa pelajar. Apabila pelajar berjaya menjawab soalan aras rendah kedua-dua guru mula menaikkan aras soalan kepada peringkat yang lebih tinggi. Soalan aras rendah, sederhana dan tinggi dikemukakan berselang-seli dalam satu siri soalan. Guru A mencampur beberapa soalan aras rendah, sederhana dan aras tinggi dalam satu siri soalan semasa mengajar pelajar menghubungkait ciri fizikal dengan konsep keimanan kepada Allah.

“Apa dia ciri fizikal kejadian bumi?”, “Apa dia ciri fizikal bumi, ada apa kaitan fizikal bumi dengan tanda kekuasaan Allah?”, Bagaimana kita sebagai manusia perlu mentaati perintah Allah?”. Dalam sesi pengajaran lain, Guru B memberikan soalan aras tinggi dan rendah secara berselang-seli semasa menyoal hubungkait konsep beriman kepada Allah dengan tanda kekuasaan Allah. *“Cuba fikir, ada tak pokok dan tumbuhan di kawasan kamu?”, apakah bukti kejadian alam ini menandakan kekuasaan Allah? apakah yang perlu dilakukan sebagai tanda kita beriman kepada Allah.*

“Apa maksud beriman kepada Allah?”, “Imam macam mana diperlihatkan?”, “tukar kepada amalan seharian?”, “apa tanda seseorang itu telah beriman kepada Allah?”, “tengok kawasan alam, mesti ada yang menciptanya?”, amalan apa yang perlu dijalankan sebagai memahami konsep keimanan kepada Allah?”.

Pada sesi pengajaran lain, Guru A memberikan soalan aras tinggi dan rendah secara berselang-seli semasa menyoal hubungkait ciri alam ini dan kaitan keperluan manusia untuk menghayati penciptaan Allah ini sepenuhnya..Tujuan dilakukan pendekatan bagi mengelakkan pelajar terkeliru seterusnya tidak memahami isi kandungan pengajaran yang disampaikan.

Apa yang menarik diperingkat perkembangan pengajaran ini soalan lisan digunakan oleh kedua-dua guru untuk menyokong aktiviti pentaksiran yang lain iaitu seatwork dan latihan. Guru A mengemukakan soalan aras sederhana iaitu aplikasi untuk melancarkan aktiviti latihan mengukur kecenderungan pelajar dan sebagai panduan sehingga pelajar mendapat jawapan yang tepat. Dengan berpandukan gambarajah yang dilukis di papan hitam (Rajah 2) beliau menyoal, *apakah hubungan setiap rukun Iman? ha, apakah cara kita menyatakan kita memahami iman kepada Allah, apakah balasan yang akan diperolehi bagi orang yang beriman kepada Allah?*

Selain itu “Guru A”, ketika memberi arahan kepada pelajar menerusi rajah yang dilukis di papan hitam (Rajah 2) semasa membuat aktiviti berkaitan Rukun Iman dan bertanya, “*ha, tengok sini kaitan di antara setiap rukun iman tersebut*” murid-murid, *jadi bagaimana rukun iman dapat membentuk penghayatan agama kita?*

Pada peringkat penutup, Guru B kelihatan tidak aktif mengemukakan soalan. Beliau sekadar bertanyakan soalan aras rendah untuk memastikan pelajar memahami dan menguasai pembelajaran dan memerlukan jawapan sekadar ya serta tidak. Manakala guru A masih aktif mengemukakan soalan sehingga pelajar membuat rumusan isi dan konsep pelajaran yang telah mereka pelajari. Beliau masih mengemukakan soalan campuran aras rendah dan tinggi. Ini kerana ada antara soalannya beliau, meminta pelajar membuat penilaian terhadap isu berkaitan isi dan konsep pelajaran yang telah diajar. Umpamanya dengan menggunakan peta minda, beliau menyoal “*apakah yang akan terjadi pada manusia yang tidak mensyukuri dan beriman dengan sepenuhnya kepada Allah? perlukah semua manusia mengetahui kepentingan beriman ini kepada Allah*”

6. Perbincangan dapatan kajian

Kedua-dua guru menunjukkan amalan penggunaan pelbagai aras di dalam soalan lisan semasa mengendalikan pentaksiran formatif. Ini bermakna kedua-dua guru percaya bahawa penggunaan pelbagai aras soalan menjadikan proses pengajaran mereka lebih menarik dan mampu meningkatkan pembelajaran pelajar [1,20]. Amalan kedua-dua guru di dalam penggunaan soalan lisan pelbagai aras menunjukkan corak tertentu, menunjukkan mereka benar-benar memahami kepentingan penggunaannya berdasarkan keperluan pelajar dan objektif pembelajaran. Ini kerana soalan lisan dimulakan dengan aras rendah semasa permulaan sesi pengajaran dan diikuti soalan lisan aras sederhana dan tinggi semasa pertengahan dan penutup pengajaran. Aras soalan rendah dijadikan panduan memulakan aktiviti pengajaran [3,5].

Begitu juga soalan aras rendah digunakan oleh kedua-dua guru untuk melihat status kefahaman pelajar terhadap konsep dan isi pelajaran yang diajar kepada pelajar. Selain itu guru juga mengaitkan konsep dan isi pelajaran lepas dengan konsep dan isi pelajaran semasa supaya pelajar boleh membuat perkaitan terutama di dalam subtopik kemahiran pendidikan Islam. Soalan aras rendah di kemukakan semasa guru menyampaikan konsep dan isi pelajaran dengan matlamat untuk mendapatkan maklumat status kefahaman pelajar supaya guru boleh mengubahsuai pengajaran mengikut keperluan pelajar dan memberi maklum balas serta merta sekiranya berlaku salah faham berkaitan konsep dan isi pelajaran.

Aras soalan sederhana digunakan oleh guru bagi mendapat maklumat tentang status pembelajaran dan dikemukakan selepas mereka mengajar konsep. Aras soalan ini di kemukakan untuk memastikan pelajar telah menguasai konsep dan isi pelajaran sehingga membolehkan mereka mengaplikasikannya di dalam situasi berlainan. Bagi peringkat bahagian kemahiran mengenai pendidikan Islam, soalan lisan aras sederhana seperti aras aplikasi memberi kelebihan untuk pelajar meningkatkan kemahiran pendidikan Islam seperti menyatakan definisi beriman kepada Allah, menyatakan konsep beriman, mengira bagaimana konsep keimanan dapat dihayati oleh pelajar. Soalan aras aplikasi adalah bertepatan dengan objektif pembelajaran iaitu pelajar berkemahiran menyatakan sesuatu bersandarkan situasi yang berlainan.

Bagi soalan aras analisis, ianya digunakan untuk mendapatkan maklumat terhadap keupayaan pelajar di dalam membuat perkaitan di antara konsep dan isi pelajaran. Umpamanya dalam subtopik hubungan Qada’ dan Qadar dengan perlakuan manusia, kedua-dua guru mengabungkan konsep keimanan berkaitan Qada dan Qadar dan perlakuan manusia. Kedua-dua guru menggunakan soalan lisan aras tinggi untuk mengalakkan pelajar di dalam kelas untuk berfikir [8,9]. Ini kerana aras soalan

sederhana dan tinggi sesuai untuk digunakan bagi kumpulan pelajar pelbagai kebolehan. Soalan penilaian kebiasaananya digunakan untuk mendapat maklumat keupayaan pelajar menggunakan konsep dan isi pelajaran bagi mentafsir peta minda, carta, graf, rajah dan gambarajah.

Walaupun penggunaan soalan melibatkan pelbagai aras namun kedua-dua mereka lebih banyak memberi tumpuan kepada soalan aras sederhana dan aras tinggi iaitu aplikasi, analisis dan penilaian. Soalan aras rendah pula sering dikemukakan terlebih dahulu di ikuti soalan aras sederhana dan tinggi. Soalan aras sederhana dan tinggi memerlukan jawapan pendek sekiranya berkaitan fakta atau isi pelajaran manakala jawapan yang lebih panjang diperlukan apabila membuat penjelasan lebih terperinci. Soalan aras tinggi lebih terbuka dan kedua-dua guru gemar mengemukakan soalan autentik berdasarkan persekitaran fizikal, konsep dan budaya setempat. Mereka juga bijak menggunakan persekitaran fizikal, konsep dan budaya setempat untuk menggalakkan pelajar berfikir pada aras tinggi melalui perkaitan di antara teori dan praktikal.

Ini kerana soalan yang bersifat pelbagai membolehkan pelajar berfikir, membuat perkaitan secara kritikal, mengaplikasi, menganalisis, mengsynthesis dan menilai. Ia kelihatan agak mudah diaplikasikan kerana soalan ini sangat rapat dengan pemikiran pelajar. Guru A bertindak melontarkan soalan aras tinggi dengan suara lebih lantang dan tegas. Apabila menerima respon daripada pelajar sama ada jawapan salah atau betul, beliau bertindak memberikan maklum balas berkaitan soalan yang dilontarkan. Beliau memberi maklum balas kepada soalan-soalan aras tinggi yang dikemukakan.

Guru B juga bertindak sedemikian, Cuma beliau selalu memberikan beberapa maklumat tambahan untuk pelajar memikirkan jawapan yang tepat. Kedua-dua guru juga menggunakan bahan bantu mengajar terutama gambar rajah yang dilukis di atas papan putih untuk membantu mengemukakan soalan lisan secara lebih berkesan. Malahan bagi subtopik tertentu guru menggunakan bahan bantu mengajar seperti kad imbasan, carta dan tayangan gambar untuk membantu melancarkan lagi aktiviti soal jawab lisan.

7. Rumusan

Keseluruhan kajian ini mengemukakan sememangnya terdapat amalan KBAT di dalam pengajaran guru menerusi penerapan kaedah penyoalan. Kepelbagaiannya aras penyoalan disertakan dengan kandungannya yang menepati aras pemikiran tahap tinggi mampu mencetuskan elemen pemikiran dan cetusan yang berstruktur dan berkualiti. Walau pun kajian hanya menggunakan analisis kualitatif, namun hasil yang di perolehi menggambarkan kedalaman pendekatan penyoalan yang digunakan oleh guru dan proses bagaimana kefahaman yang dibentuk oleh pelajar daripada soalan yang dikemukakan

Rujukan

- [1] Ab. Halim Tamuri, and Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. "Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam." *Percetakan Watan Sdn. Bhd.*, Kuala Lumpur, 2011.
- [2] Al-Qabis, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. "Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin." *Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah*, Kaherah, 1995.
- [3] Ashraf M. Zedan. "An innovative Teaching Method in Islamic Studies: The Use of PowerPoint in University of Malaya as Case Study." *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 182 (2015): 543-549.
- [4] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. *Pendidikan di Malaysia*, Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010.
- [5] Brookhart, Susan M. "Expanding views about formative classroom assessment: A review of the literature." *Formative classroom assessment: Theory into practice* (2007): 43-62.
- [6] Creswell, John W. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall, 2012.

- [7] Edward de Bono. "Frames For Thinking About Information." *Thinking in Teachers and Students: Diverse Perspectives*. Forth Worth: Harcourt Brace College Publishers, 2008.
- [8] Mamat, Mohd Anuar Bin. "Teknik Soal-Jawab Dalam Pengajaran Imam Abū Ḥanīfah (M. 150h/767m): Suatu Analisis Terhadap Kitab Al-Ālim Wa Al-Muta 'Allim." *Online Journal of Islamic Education* 3, no. 0 (2015).
- [9] Mohd Aderi Che Noh, Mohd Fuad Othman, Maimun Aqsha Lubis. *Pengajaran Berkesan Berasaskan Kaedah Kontekstual Dalam Pendidikan Islam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10), (2014).
- [10] Muhammad Sofwan Mahmud, Roslinda Rosli. "Penyoalan Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Kajian Kes Dua Orang Guru Sekolah Rendah." *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5*, 2015.
- [11] Onosko, Joseph J., and Fred M. Newmann. "Creating more thoughtful learning environments." *Teachers and Students: Diverse Perspectives* (1994): 27-47.
- [12] Robert Glaser. "Cognitive and motivational aspects of instruction: Selected International Congress papers." *Elsevier*, Amsterdam, 1983.
- [13] Yin, R. K. "Case Study Research: Design and Methods." 3rd ed. Sage Publication, Thousand Oaks, 2003.
- [14] Johnson, Burke, and Larry Christensen. *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Allyn & Bacon, 2000.
- [15] Patton, Michael Quinn. *Qualitative evaluation and research methods*. SAGE Publications, inc, 1990.
- [16] Marohaini. "Penyelidikan kualitatif: Pengalaman Kerja Kajian Lapangan." Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.
- [17] Lebar, Othman. *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.
- [18] Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz, and Mok Soon Sang. "Kemahiran berfikir." *Penerbitan Multimedia*, Puchong, Selangor, 2011.
- [19] Syofia Ulfah, Zamri Mahamod and Jamaludin Badusah. "Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia Yang Penyayang." *Journal of Language Studies* 13, no. 1 (2013): 139-154.
- [20] Zamri Mahamod, Umi Nadiha Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. "Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah." *Prosiding ASEAN Comparative Education Research Conference*, 2015.